

## Notis MSD Malaysia Mengenai Amalan Data Untuk Pakar Kesihatan

FAKTA	<p>Notis ini memberikan gambaran keseluruhan yang lengkap mengenai amalan <b>Merck Sharp &amp; Dohme (Malaysia) Sdn Bhd</b> ("MSD"), sebuah anggota keluarga syarikat Merck &amp; Co., Inc., Kenilworth, NJ, USA sedunia, berhubung dengan pengutipan, penggunaan dan pendedahan data tentang pakar kesihatan secara global.</p>
Privasi di MSD	<p>Di Merck &amp; Co., Inc., Kenilworth, NJ, USA – yang juga dikenali dengan nama Merck Sharp &amp; Dohme (MSD), Merck Frosst di Kanada dan Banyu di Jepun (disebut semuanya sebagai "Syarikat") – sebuah syarikat farmaseutikal berasaskan penyelidikan, privasi adalah berlandaskan kepercayaan. Selaras dengan budaya Merck &amp; Co., Inc., Kenilworth, NJ, USA, iaitu mendukung piawaian etika yang tinggi pada semua amalan perniagaan kami, kami telah membuktikan komitmen kami terhadap privasi melalui program sokongan global yang disusun dengan tujuan menyokong kepatuhan kepada undang-undang dan piawaian privasi yang berkenaan untuk melindungi maklumat peribadi di sekitar dunia.</p> <p>Pada tahun 2001, Merck &amp; Co., Inc., Kenilworth, NJ, USA memperakui kepatuhannya kepada Perjanjian Tempat Selamat antara Suruhanjaya Eropah dengan Jabatan Perdagangan Amerika Syarikat tentang pemindahan maklumat peribadi mengenai pakar kesihatan dan orang lain dari Kawasan Ekonomi Eropah ke Amerika Syarikat. Dasar Privasi Tempat Selamat MSD ini boleh didapati di <a href="http://www.merck.com/about/how-we-operate/privacy/safe-harbor-privacy-policy.html">http://www.merck.com/about/how-we-operate/privacy/safe-harbor-privacy-policy.html</a>.</p>
Mengapa?	<p>MSD mengutip, menerima, menggunakan dan berkongsi maklumat yang boleh mengenal pasti ("maklumat peribadi") seseorang doktor, jururawat, ahli farmasi, pengkaji, penyelidik dan pakar kesihatan yang lain <u>menurut dan sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan</u>, dan jika berkenaan, sebagaimana yang dibenarkan oleh pihak berkuasa kerajaan yang berkenaan, berhubung dengan operasi perniagaan harian kami, yang mungkin merangkumi:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• pengurusan kajian penyelidikan klinikal, epidemiologi dan hasil;</li><li>• melaporkan pengalaman buruk dan aduan mengenai produk;</li><li>• program bantuan pesakit, diskauan preskripsi dan bantuan bayaran ganti;</li><li>• menyampaikan maklumat tentang produk-produk kami melalui wakil profesional kami, laman web kami, e-mel, pusat panggilan, pos dan saluran-saluran lain, termasuklah butir-butir promosi dan maklumat pemasaran yang lain;</li><li>• simposium, persidangan serta program saintifik dan pendidikan yang lain;</li><li>• permohonan sampel produk dan tempahan produk kami, jika dibenarkan oleh undang-undang;</li><li>• melaporkan pendedahan kewangan;</li><li>• penyelidikan perniagaan dan penyelidikan pemasaran;</li><li>• mengaudit program dan sumber kami untuk tujuan pematuhan dan keselamatan;</li><li>• mengenal pasti dan menggunakan khidmat pakar dan peneraju saintifik;</li><li>• memberikan kemudahan menggunakan sumber kami dan menjelaki interaksi kami dengan anda di dalam dan di luar talian (amalan dalam talian kami dikawal oleh <u>Dasar Privasi Internet</u> kami);</li><li>• menjelaki bayaran yang dibuat kepada pakar kesihatan atas perkhidmatan yang dilaksanakan bagi pihak Syarikat;</li><li>• perkembangan program penjualan dan pemasaran;</li><li>• menyampaikan program dan bahan-bahannya kepada pesakit anda;</li><li>• menentukan kesesuaian melibatkan pakar kesihatan bagi tujuan perniagaan yang tertentu seperti yang diterangkan di atas ini setelah mengambil kira syarat undang-undang yang berkenaan dengan perniagaan kami; dan</li><li>• tindakan undang-undang dan siasatan kerajaan, termasuklah pemeliharaan data yang relevan jika diwajibkan ataupun dibenarkan secara nyata oleh undang-undang yang mengawal perniagaan MSD secara global.</li></ul> <p>Jika undang-undang tempatan mewajibkan anda memberikan persetujuan yang khususnya membenarkan pengutipan, penggunaan dan pendedahan maklumat peribadi bagi beberapa program ini, anda mungkin diminta memberikan persetujuan anda secara mengisi borang bercetak, mengisi borang dalam talian (internet), melalui perbincangan telefon atau dengan cara lain yang bersesuaian dan dibenarkan.</p> <p>Kegagalan menyerahkan maklumat peribadi yang mandatori biasanya akan mengehadkan dengan ketaranya perkhidmatan yang boleh kami berikan kepada anda ataupun cara kami berinteraksi dengan anda. Dalam keadaan yang tertentu, jika anda tidak menyerahkan maklumat mandatori, kami tidak akan dapat menyampaikan perkhidmatan kepada anda ataupun berurus dengan anda. Kecuali kami diwajibkan oleh undang-undang atau oleh peraturan untuk menggunakan atau mendedahkan maklumat peribadi bagi tujuan yang tertentu, anda juga boleh mengecualikan diri daripada program-program yang tertentu. Anda hanya perlu menghubungi kami dengan cara yang diterangkan di dalam ruangan "Hubungi Kami" pada borang ini.</p>

Tarikh Kuat Kuasa: December 2015.

MSD berhak menambah atau mengeluarkan bahagian-bahagian notis ini pada bila-bila masa. Jika kami mengambil  mengubah notis ini, kami akan menyiaran notis yang kemas kini pada laman web kami, iaitu [www.merck.com/privacy](http://www.merck.com/privacy).

## Notis MSD Malaysia Mengenai Amalan Data Untuk Pakar Kesihatan

<b>Apa?</b>	<p>Jenis maklumat peribadi yang kami kutip (sama ada terus daripada anda ataupun daripada sumber maklumat awam atau pihak ketiga) dan dedahkan bergantung pada jenis hubungan anda dengan MSD serta syarat undang-undang yang berkeraan. Antara lainnya, maklumat ini mungkin merangkumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• maklumat perhubungan;</li> <li>• watikah ikhtisas, terbitan, paten serta pencapaian saintifik dan perubatan yang lain;</li> <li>• peranan atau jawatan yang dipegang di dalam badan kerajaan atau hospital atau pertubuhan pembayar;</li> <li>• tarikh lahir, hari atau tahun lahir, atau umur;</li> <li>• perkaitan dengan organisasi dan institusi;</li> <li>• program dan aktiviti yang anda serta;</li> <li>• maklumat mengenai produk <b>MSD</b> yang anda tentukan untuk pesakit melalui preskripsi;</li> <li>• perjanjian yang anda laksanakan dengan Syarikat;</li> <li>• maklumat yang berkait dengan bayaran, termasuklah nombor pengenalan cukai;</li> <li>• bentuk komunikasi yang anda utamakan; dan</li> <li>• maklumat mengenai rakan-rakan saintifik dan perubatan anda serta para peneraju dalam bidang pengkhususan anda.</li> </ul> <p>Contoh-contoh yang diberikan ini tidak meliputi semua jenis maklumat. MSD juga mungkin mengutip maklumat yang serupa ataupun yang berkaitan dengannya.</p>		
<b>Bagaimana?</b>	<p>Di dalam ruangan di bawah ini, kami senaraikan sebab-sebab syarikat farmaseutikal seperti <b>MSD</b> biasanya mendedahkan maklumat peribadi mengenai pakar kesihatan, sebab-sebab MSD mendedahkan maklumat ini dan sama ada anda boleh mengehadkannya. <b>MSD</b> melaksanakan langkah keselamatan yang berpatutan dan bersesuaian untuk melindungi maklumat peribadi mengikut tahap sensitivitinya daripada hilang, disalah guna, diambil tanpa izin, didedahkan, diubah atau dimusnahkan.</p>		
<b>Sebabnya maklumat peribadi mengenai anda boleh didedahkan</b>	<b>Adakah kami mendedahkannya?</b>	<b>Bolehkah anda hadkan dedahan ini?</b>	
Kepada syarikat yang berusaha sama dengan MSD: untuk kegunaan produk dan perkhidmatan mereka sendiri	Tidak, kecuali anda mengizinkannya secara nyata.	Boleh	
Kepada syarikat yang tidak berusaha sama dengan MSD: untuk memasarkan produk mereka kepada anda	Tidak, kecuali anda mengizinkannya secara nyata.	Boleh	
Membuat laporan kepada pihak berkuasa kerajaan (contohnya FDA di Amerika Syarikat)	Ya, contohnya untuk melaporkan maklumat tentang keselamatan produk kami.	Tidak boleh	
Kepada pihak-pihak yang terlibat dengan tindakan undang-undang yang relevan, sebagaimana yang dibenarkan oleh mahkamah atau tribunal yang mengadilinya, ataupun setakat yang diwajibkan atau dibenarkan secara nyata oleh undang-undang yang dikenakan	Ya	Tidak boleh	
Atas sebab perniagaan, jika Merck & Co., Inc., Kenilworth, NJ, USA mengambil keputusan menamatkan sebahagian atau seluruh perniagaannya melalui penjualan, penggabungan atau pemerolehan, kepada pembeli yang sebenar atau kepada bakal pembeli	Ya, berdasarkan perjanjian bertulis bahawa maklumat peribadi akan dilindungi dengan baik dalam keadaan begini.	Secara amnya, tidak boleh, kecuali undang-undang tempatan membenarkan anda mengecualikan diri ataupun menghendaki persetujuan anda yang nyata.	
Kepada syarikat-syarikat secara global yang menyampaikan perkhidmatan bagi pihak kami dan menurut arahan kami (contohnya untuk menyampaikan maklumat khusus yang anda mohon)	Ya, jika operasi perniagaan yang berkenaan disokong oleh syarikat lain. Sebagai syarikat global, kami mungkin bekerja seiring dengan syarikat-syarikat serata dunia dengan tujuan memberikan perkhidmatan untuk atau bagi pihak kami, dan kami menghendaki syarikat-syarikat tersebut melindungi maklumat peribadi selaras dengan undang-undang,	Secara amnya, tidak boleh. Kami menyediakan mekanisme dasar, berkontrak dan pentadbiran yang mensyaratkan perlindungan maklumat peribadi oleh syarikat-syarikat lain yang memproses maklumat peribadi bagi pihak kami secara global. Walau bagaimanapun, jika undang-undang tempatan memberi anda hak mengehadkan pendedahan ini, kami akan mematuhi keperluan itu.  Jika operasi perniagaan kami disokong oleh syarikat-syarikat lain, misalnya syarikat yang	

Tarikh Kuat Kuasa: December 2015.

MSD berhak menambah atau mengeluarkan bahagian-bahagian notis ini pada bila-bila masa. Jika kami mengambil mengubah notis ini, kami akan menyiaran notis yang kemas kini pada laman web kami, iaitu [www.msdmalaysia.com/privacy](http://www.msdmalaysia.com/privacy).



## Notis MSD Malaysia Mengenai Amalan Data Untuk Pakar Kesihatan

	kaedah dan peraturan yang berkenaan dan selaras dengan dasar privasi Syarikat.	kami berikan kontrak untuk mengirimkan bahan-bahan yang anda mohon, anda tidak boleh mengehadkan pendedahan ini jika anda masih mahu menerima perkhidmatan tersebut.
Kepada rakan-rakan gabungan* di dalam keluarga syarikat Merck & Co., Inc., Kenilworth, NJ, USA sedunia untuk tujuan perniagaan harian seperti yang diterangkan di dalam notis ini  *Rakan gabungan ialah syarikat yang terkait oleh hak milik atau kawalan bersama. Di luar Amerika Syarikat, rakan-rakan gabungan Merck & Co., Inc., Kenilworth, NJ, USA biasanya beroperasi atas nama "MSD" atau "Merck Sharp & Dohme"	Ya, sebagai syarikat global, kami secara amnya berkongsi maklumat peribadi dengan semua pejabat kami sedunia untuk tujuan yang diterangkan di dalam notis ini tetapi hanya mereka yang perlu mendapatkan maklumat peribadi untuk tujuan ini atas alasan rasmi yang kukuh sahaja yang akan diberi laluan. Contohnya, maklumat pembayaran akan didedahkan hanya kepada pejabat MSD tempatan di negara anda dan kepada kumpulan di Amerika Syarikat yang bertanggungjawab membuat bayaran.	Secara amnya, tidak boleh. Kami menyediakan mekanisme dasar, berkontrak dan pentadbiran yang mensyaratkan perlindungan maklumat peribadi oleh perniagaan-perniagaan kami secara global. Walau bagaimanapun, jika undang-undang tempatan memberi anda hak mengehadkan pendedahan ini, kami akan mematuhi keperluan itu.  Anda boleh memohon agar kami tidak memindahkan maklumat peribadi ke luar negara anda tetapi selalunya, ini akan banyak mengehadkan perkhidmatan yang boleh kami berikan kepada anda. Jika pelayan komputer, pangkalan data atau proses kami bertempat di negara lain, kami selalunya tidak dapat menunaikan permohonan sedemikian jika anda mahu kami terus memberikan perkhidmatan tersebut kepada anda.
Kepada syarikat-syarikat lain yang berusaha sama dengan kami semata-mata bagi aktiviti yang berkait dengan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan bersama ataupun yang dihasilkan oleh MSD bersama dengan syarikat tersebut	Ya, berdasarkan perjanjian bertulis yang dilaksanakan antara MSD dengan syarikat-syarikat tersebut.	Boleh, jika anda secara khususnya memohon untuk dikecualikan.
<b>Pemindahan data peribadi ke luar Malaysia</b>	MSD mungkin memindahkan data peribadi tentang diri anda ke luar Malaysia untuk tujuan yang diterangkan di dalam borang ini. Persetujuan anda untuk membenarkan kami memindahkan data peribadi tentang diri anda ke luar Malaysia diterangkan di dalam borang ini.	
<b>Hubungi Kami</b>	<p>Jika anda ingin bertanya tentang notis ini atau tentang maklumat peribadi mengenai diri anda yang dikutip, digunakan dan didedahkan oleh MSD, atau jika anda ingin mengubah ciri-ciri komunikasi yang anda utamakan (contohnya, mengecualikan diri daripada penerimaan e-mel, faksimile atau bentuk komunikasi pemasaran langsung yang lain) atau untuk mengecualikan diri daripada program-program yang tertentu, atau jika anda ingin mendapatkan dan/atau memohon agar data peribadi mengenai diri anda di dalam pangkalan data MSD dibetulkan dan/atau dikemaskinikan selaras dengan hak anda di bawah undang-undang yang berkenaan, hubungilah kami. Dalam keadaan yang tertentu, kami mungkin perlu berunding dengan anda ataupun merujukkan anda kepada pihak ketiga supaya anda boleh dikecualikan.</p> <p><u>Untuk menghubungi Pegawai Privasi MSD, tulislah kepada:</u>            Compliance dan Privacy Officer            MSD            T2-9, Jaya 33,            No 3, Jalan Semangat, Seksyen 13            46200 Petaling Jaya,            Selangor, Malaysia.            Tel: +60377181600            Fax: +60377181700</p> <p><u>Untuk menghubungi Pejabat Privasi Merck &amp; Co., Inc., North Wales, PA, USA, tulislah kepada:</u>            Merck &amp; Co., Inc., North Wales, PA, USA, Privacy Office            UG4B24            351 N. Sumneytown Pike            North Wales, PA 19454            Atau kirimkan e-mel kepada <a href="#">Pejabat Privasi Merck</a></p>	

Tarikh Kuat Kuasa: December 2015.

MSD berhak menambah atau mengeluarkan bahagian-bahagian notis ini pada bila-bila masa. Jika kami mengambil tindakan mengubah notis ini, kami akan menyiaran notis yang kemas kini pada laman web kami, iaitu [www.msds.com/privacy](http://www.msds.com/privacy).



Proprietary